

Naza TTDI sasar perolehan RM1.4 bilion pada 2017

KUALA LUMPUR: Naza TTDI Group menyasar untuk meningkatkan perolehan kepada RM1.4 bilion pada 2017, dipacu oleh bahagian pembangunan hartanah Naza TTDI dan cabang pembinaan Naza Engineering & Construction (Naza EC).

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan, SM Faliq SM Nasimuddin berkata Naza EC akan

menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan perolehan berdasarkan kerja-kerja pembinaan besar yang dijangka diperolehi tahun ini. "Naza EC akan membida projek infrastruktur, di seluruh negara, dianggarkan bernilai RM2.1 bilion," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Naza TTDI akan melan-

carkan lima projek hartanah tahun ini di perbandaran TTDI Alam Impian di Shah Alam, perbandaran TTDI Grove di Kajang dan di Kwasa Damansara.

Kesemua projek itu akan terdiri daripada kediaman berkembar, pangsapuri, kondominium dan rumah bandar dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM793 juta. – Bernama